



**PASUKAN Sains Sukan UMS** (*berjersi biru*) **bergambar kenangan dengan pasukan IPG Tawau** (*jersi hitam*) **sebelum perlawanan berlangsung.**

## Sains Sukan UMS benam IPG Tawau 3-0

UB 20.06.2012 A14

KOTA KINABALU: Pasukan Bola Sepak Sains Sukan UMS menewaskan Pasukan Bola Sepak Institusi Perguruan Tawau (IPG) 3-0 dalam aksi perlawanan persahabatan baru-baru ini.

Perlawanan yang berlangsung di Padang B, UMS menyaksikan aksi hebat dari kedua-dua pasukan.

Pemain UMS, Pang Ngiap Ping Berjaya memecah kebuntuan apabila berjaya menjaringkan gol pertama perlawanan pada penghujung separuh masa pertama permainan.

Pasukan UMS terus menambah jaringan setelah separuh masa kedua bersambung, apabila rembatan kencang Anuar Bidin

gagal diselamatkan penjaga gol pasukan IPG.

Pasukan IPG sekali-sekala cuba mengancam kubu pasukan UMS dengan beberapa siri serangan namun gagal membawa hasil.

Pasukan UMS yang turut membuat serangan bertali arus, mengesahkan kemenangan pada minit ke 84 apabila Mohd Farok Mohd Sata menjaringkan gol kemenangan menerusi tendangan dari luar kotak penalti sekali gus menghancurkan harapan IPG Tawau untuk terus bangkit.

Pasukan Sains Sukan UMS yang diketuai oleh Frederick Pilin dan Mohd Hakimi

amat berbangga dengan keputusan perlawanan yang menyebelahi mereka.

Dr. Anuar Din selaku pengurus pasukan Bola Sepak Sains Sukan UMS ketika ditemui berkata, perlawanan persahabatan ini diadakan adalah bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam sukan bola sepak di samping mengeratkan persahabatan antara kedua-dua pasukan.

Pada hari yang sama satu perlawanan persahabatan bola jaring turut memihak kepada Pasukan Bola Jaring Sains Sukan UMS, apabila mereka berjaya menumpaskan Pasukan IPG Tawau 8-2.